

TARIKH	25 / 6 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	21	RUANGAN	Nasional

## Tabung Haji, KISDAR anjur khidmat masyarakat TaHa@U



© MUHAIZAN YAHYA | BERITA HARIAN

MUHAMMAD Hamdan (kiri) memerhatikan Pengetua Maahad Tahfiz Wattalaqqi, Khalid Abdul Rahman (dua dari kiri) menyerahkan baju-T tajaan Berita Harian kepada pelajar sekolah itu di Lubuk Merbau, semalam.

**K**UALA KANGSAR: Tabung Haji (TH) dengan kerjasama *Berita Harian* dan Kolej Islam Darul Ridzuan (KISDAR) menganjurkan program khidmat masyarakat TaHa@U di Maahad Tahfiz Wattalaqqi, Lubuk Merbau, di sini.

Dalam program sehari itu, peserta dan penduduk bergotong-royong mengecat bangunan sekolah, menukarkan permaidani surau dan menggantikan atap sekolah yang sangat uzur.

Pengarah TH Perak, Muhammad Hamdan Omar, program itu adalah khidmat sosial korporat kepada masyarakat khususnya pelajar

supaya dapat belajar dalam suasana selesa seterusnya menyuntik semangat untuk mencapai kecemerlangan akademik.

"Kesempatan ini memberi peluang kepada pelajar dan masyarakat supaya mengetahui lebih mendalam mengenai TH dan peranan akhbar *Berita Harian* yang sangat berguna dalam menyebarkan pelbagai ilmu dan maklumat," katanya ketika ditemui pada program itu.

Maahad Tahfiz Wattalaqqi dibuka pada 1989 mempunyai 36 pelajar perlu dibantu terutama dari segi kemudahan asas yang sebahagiannya sudah rosak dan uzur

selain kurang mendapat perhatian masyarakat sebelum ini.

Muhamad Hamdan berkata, sebanyak RM8,000 diperuntukkan bagi program itu termasuk membeli permaidani baru surau, zink dan cat, manakala *Berita Harian* menyediakan baju-T dan sijil kepada peserta.

Sementara itu, Eksekutif Jabatan Pengerahan The New Straits Times Press (M) Bhd, Norha Mat Sidi berkata, Program Khidmat Masyarakat TaHa@U itu adalah kedua tahun ini selepas Universiti Malaysia Sabah (UMS), Kota Kinabalu, minggu lalu.